

inSPIRED

richworks.com/inspired

**BUSINESS
TALK**

7 KEPENTINGAN
JABATAN SUMBER
MANUSIA DALAM
SYARIKAT

NURUL SHAFIKAH

TAK MALU BERMULA SEMULA DARI BAWAH

RICHWORKS™
Di Sini Lahirnya
Usahawan Jutawan

11 NOVEMBER 2023 | BIL: 18
WWW.RICHWORKS.COM

KESAKITAN BUKAN PENGAKHIRAN

Biarpun sudah mempunyai pengalaman lebih sepuluh tahun dalam dunia perniagaan, Nurul Shafikah Mohd Razali ataupun lebih mesra disapa sebagai Madam Nurul tidak malu untuk bangkit dan bermula semula biarpun diuji dengan penyakit hyperthyroid dan overstress ketika musim Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) beberapa tahun yang lalu.

Keadaan tersebut benar-benar menjejaskan kehidupannya hingga beliau hilang fokus dan terpaksa menyerahkan perniagaan yang diusahakan kepada adiknya pada waktu itu.

“Ketika sakit itu saya rasa sudah gagal dan inilah pengakhiran hidup saya. Rasa mengalah, *down* dan *most of the time* saya habiskan masa saya dengan tidur. Saya tak nak bangun.

“Saya cuma cakap dengan suami supaya jangan kejut saya. Saya bangun untuk solat, kemudian saya akan tidur balik sebab kalau terus berjaga saya akan stres. Banyak sangat perkara yang akan saya fikirkan.

“Bayangkan, kalau saya masak saya akan lupa untuk tutup api. Saya rasa macam kenapa teruknya aku ni? Kenapa sampai macam itu sekali? Semua ini membuatkan saya rasa sangat stres dan mahu terus tidur sahaja. Sampailah satu tahap suami saya cakap ‘sampai bila awak nak terus begini? Awak ada tapi saya rasa macam awak tiada.’ Dia kata begitu kepada saya,” kongsinya.

WAKTU UNTUK BANGKIT

Situasi tersebut benar-benar menjadi suatu titik perubahan dalam hidup beliau. Hatinya mulai tersentuh setelah membayangkan wajah-wajah insan tersayang di sekelilingnya termasuklah suami, anak-anak dan ibu bapa tercinta.

“Kata-katanya itu memang menjadi *turning point* untuk saya berubah. Tanpa disangka, sahabat baik yang sering mengambil berat tentang keadaan saya iaitu Dr. Abdullah Alias (Dr.Cute) mempelawa untuk menyertai bisnes yang diusahakannya.

“Beliau merupakan rakan saya ketika kami sama-sama sertai program pementoran Titanium pada tahun 2021. Katanya, *at least* bermula balik dari bawah semula. Tak kisahlah kalau tak ada modal nak bermula pun. Tak apa, kita *start* dari bawah.

“Saya fikir inilah permulaan untuk saya bangkit semula. Inilah waktunya untuk saya bermula dengan perniagaan baru dan *niche* yang baru iaitu kecantikan



di mana saya memang tidak ada pengalaman dalam industri itu pun sebelum ini. Saya buat saja,” jelasnya.

Memulakan perjalanannya bersama jenama Dr. Cute International Sdn.Bhd. sebagai ejen pada bulan September tahun lepas, Madam Nurul kini kian mengorak langkah ke hadapan apabila sudah berjaya menjadi *master stockist* produk tersebut di Johor dan juga Singapura.

“Saya bermula dengan niat sekadar ingin mencuba saja jadi ejen ‘biasa-biasa’. Tak sangka pula kini sudah ada hampir 100 orang usahawan dan ejen di bawah bimbingan saya yang mana saya bantu mereka untuk menjana pendapatan tiga ke empat angka sebulan.

“Jadi, itulah kisah bagaimana saya bermula semula dalam perniagaan,” tambahnya.

Percaya dunia perniagaan memerlukan tenaga yang tinggi dan semangat yang



positif untuk terus kekal bertahan, Madam Nurul memilih untuk kembali dalam program pementoran RichWorks bagi bersama *circle* yang tepat agar dirinya dapat terus maju ke hadapan.

“Low energy, low income. High energy, high income. Kalau saya nak RMI juta, maka saya kena berada dekat dengan orang yang buat RMI juta.

“Jadi, kalau saya mahu mulakan bisnes ini, saya kena cari orang yang di sekeliling yang ada *high energy, knowledge*, ilmu dan boleh berikan sokongan positif.

“Sebab itulah saya mengambil keputusan untuk berada dalam program pementoran Spire kerana saya perlukan *energy*. Selain itu, kita juga inginkan *circle* yang dapat memahami kita.

“Bila kita ada masalah, mereka boleh beri sokongan, semangat dan sebagainya. Jika di luar, tiada siapa yang dapat memahami kita melainkan suami dan ahli keluarga sahaja,” ujarinya yang mula menyertai Spire pada April lalu.

PUAS HATI DAPAT BANTU PELANGGAN

Melalui suatu pengalaman baru dalam dunia kecantikan, Madam Nurul berasa teruja dengan

perjalanan yang dilaluinya pada hari ini kerana mendapat kepuasan apabila dapat membantu pelanggannya yang mempunyai masalah kulit.

“Saya jumpa macam-macam jenis orang dan juga masalah kulit yang tidak pernah saya nampak sebelum ini. Apa yang menyeronokkan adalah apabila kita dapat membantu mereka pulih sewaktu sesi konsultasi.

“*Recovery process* saya itu adalah bila saya berjumpa orang, saya dapat bantu dan selesaikan masalah mereka. So, perkara itu menjadi seperti *happy pill* buat saya.

“Situasi ini membuatkan saya harus menjadi lebih kuat untuk bantu lebih ramai lagi orang di luar sana. Jadi, itu antara perkara yang sangat menggembirakan buat diri saya,” kata ibu kepada tiga orang cahaya mata ini.

Di samping itu, beliau bukan saja dapat memantapkan kemahiran kepimpinan yang dimiliki, malah beliau turut dapat

membina pasukan yang berkualiti apabila dibimbing oleh RichWorks.

“Sebenarnya saya dapat memperbaiki banyak kemahiran kepimpinan dan juga membetulkan *mindset* menerusi bimbingan RichWorks.


“Cara saya bercakap, cara kawal emosi, perkataan apa yang perlu digunakan, bagaimana untuk hargai pasukan dan sebagainya itu semua saya belajar di RichWorks.

“Saya perhatikan idola saya, Datuk Wira Dr. Azizan Osman dan nilai-nilai yang ditonjolkan untuk saya contohi dan aplikasikan bersama dengan pasukan saya. Apa yang beliau lakukan menjadi contoh untuk kita duplikasi dalam syarikat. *He leads by example,*” ujarnya.

BERJAYA BERHENTIKAN SUAMI

Berkongsi pencapaiannya sebagai *master stockist*, Madam Nurul kini boleh berbangga apabila sudah memiliki empat orang staf *online* dan juga *live host* yang





mana beliau bimbing sendiri secara *work from home*.

"Semuanya secara atas talian. Jadi, kita memang tidak pernah bersua muka. Ini menjadi suatu pengalaman dan cabaran baru yang sangat menyeronokkan buat saya.

"Selain itu, saya juga sudah berjaya berhentikan suami saya daripada kerjayanya yang terdahulu. Kalau dulu, dialah orang yang paling tak suka dan tidak setuju tengok saya berbisnes. Dia langsung tidak menyokong.

"Tapi kini, beliaulah yang menjadi penyokong nombor satu saya dalam bisnes. Alhamdulillah, sekarang saya sudah dapat membayar gajinya lebih daripada yang diterima dahulu.

"Di samping itu, syarikat saya iaitu Snaxmates Rich Enterprise kini sudah menjadi *bankable* dan pihak bank juga mula memandang kita dan menawarkan pelbagai pinjaman untuk syarikat.

"Oleh sebab kita memang belajar pengurusan *cashflow* bersama RichWorks, jadi kita memang jaga kewangan dengan cantik sampaikan bank pun suka dengan kita. Itulah antara pencapaian saya sepanjang setahun berada dalam industri kecantikan," kongsiya yang sudah mula sertai program anjuran RichWorks sejak dari tahun 2018 lagi.

Bercerita mengenai perancangannya akan datang, wanita hebat ini mengimpikan untuk memiliki produk sendiri di bawah Dr. Cute selain membuka spa kecantikan suatu hari nanti.

"Saya idamkan sebuah *beauty spa* di mana pelanggan boleh datang dan *scan* wajah mereka bagi lakukan analisis kulit dan terima konsultasi mengenai produk yang sesuai dengan kulit wajah mereka.

"Insyallah, mungkin kita boleh mulakan di Johor dahulu sebelum menambah beberapa cawangan di kawasan lain," jelasnya yang sudah berjaya mencapai jualan sebanyak RMI.3 juta setakat Ogos yang lalu.

Jika anda ingin mengetahui lebih lanjut mengenai produk yang dipasarkannya, layari www.mymuka.com bagi mendapatkan info tentangnya.



3

PESANAN



1

URUSKAN MASA DENGAN SEBAIKNYA

"Dari menjadi seorang suri rumah kepada seorang *businesswoman* bukanlah perkara yang mudah sebenarnya. Jadi, kuncinya adalah pengurusan masa.

"Kalau kita cakap tak ada masa, semua orang pun ada 24 jam yang samakan? So, pukul berapa saya nak masak, buat live, uruskan anak ke sekolah, mesyuarat dengan pasukan dan sebagainya itu semua perlu dijadualkan. Kalau diuruskan dengan baik, insya-Allah perjalanannya akan menjadi lancar," katanya.

2

TANPA ILMU, BISNES TIDAK AKAN KE MANA

"Walaupun saya sudah ada pengalaman selama 10 tahun berniaga, itu bukanlah tiket untuk saya terus berjaya dalam perniagaan yang seterusnya.

"Saya perlukan ilmu yang relevan lebih-lebih lagi di waktu sekarang. Sebab sekarang kita tak tahu ilmu dan pengalaman yang dimiliki sebelum ini boleh diguna pakai atau tidak.

"Jadi, itulah sebabnya kita perlukan ilmu dan juga mentor. Mentor yang sudah ada *result* lahirkan ramai jutawan termasuklah *multi millionaire*," tuturnya.

3

JANGAN MENGALAH DENGAN CABARAN

"Kebanyakan orang selalu fikir yang cabaran menjatuhkan mereka hingga berasa mahu mengalah. Namun, cabaran itulah sebenarnya yang membina diri kita dengan lebih baik lagi.

"Setiap cabaran yang datang itu membantu memantapkan lagi ilmu, tahap, pengalaman dan kemahiran yang kita miliki.

"Cabaran bukanlah suatu perkara yang menjatuhkan kita tapi sebenarnya ia sangat-sangat diperlukan untuk membantu kita membina bisnes yang lebih baik di masa hadapan," luahnya menutup bicara.



BUSINESS TALK!!!

7 KEPENTINGAN JABATAN SUMBER MANUSIA DALAM SYARIKAT

Pekerja adalah salah satu kunci terbesar kejayaan kepada sebuah syarikat. Sebagai usahawan, anda perlu menggajikan pekerja yang bagus untuk sama-sama membina bisnes anda dan mencapai matlamat bersama.

Inilah sebabnya jabatan Sumber Manusia atau Human Resources (HR) diwujudkan sebagai salah satu jabatan terpenting di pejabat. HR dipertanggungjawabkan untuk memastikan pekerja selesa dengan persekitaran kerja dengan menyediakan segala yang keperluan pejabat.

Apakah human resources?

Peranan dalam jabatan HR terdiri daripada merekrut pekerja sehingga menangani isu pejabat itu sendiri. Seorang HR yang profesional mampu mengekalkan persekitaran kerja yang selamat dan selesa. HR bertanggungjawab terhadap kepuasan dan kesejahteraan setiap pekerja.

Fungsi pengurusan human resources

Untuk memastikan pekerja sentiasa dalam persekitaran yang selamat, HR diberikan tanggungjawab yang penting. Tanpa fungsi HR yang betul, tempat kerja mungkin terasa tidak selesa untuk pekerja.

1 **Ambil pekerja berkualiti tinggi**

Jabatan HR merekrut pekerja yang sesuai untuk setiap peranan masing-masing. Ini melibatkan menyelesaikan beberapa tugas, termasuk:

- Mendapatkan calon yang berpotensi melalui media sosial, e-mel atau telefon
- Menetapkan masa temuduga antara calon dan pihak pengurusan
- Menjalankan saringan dan/atau temu bual
- Mencipta dan menghantar penilaian kemahiran atau personaliti kepada pemohon
- Mengekalkan komunikasi susulan yang berterusan dengan calon
- Menawarkan jawatan kepada pemohon terpilih

2 **Latih pekerja baharu**

Apabila pekerja dipilih, lazimnya HR menguruskan penerimaan dan latihan mengenai polisi syarikat. HR menyediakan surat tawaran dan kontrak syarikat dan akan melatih pekerja baru serta menyediakan lawatan ke tempat kerja semasa beberapa hari pertama di pejabat.

3 **Menangani pampasan, faedah dan keperluan gaji**

Apabila calon ditawarkan jawatan, HR akan membentangkan gaji. Mereka bekerjasama dengan pemimpin di setiap jabatan untuk mewujudkan tawaran gaji untuk pekerja dan berunding mengikut keperluan. HR akan memastikan mereka menerima gaji tepat pada masanya.

4 Individu pengantara sesama pekerja dan majikan

HR memastikan tempat kerja selamat dan selesa. Jika pekerja tidak berpuas hati dengan prestasi atau sikap pekerja yang lain, adukan ke jabatan HR. Mereka kemudiannya akan menangani masalah itu dengan menjadi pengantara antara pekerja dan menyelesaikan sebarang pertikaian.

Pekerja juga boleh berjumpa HR jika ada masalah yang melibatkan penyelia. HR bertindak sebagai orang tengah untuk membantu kedua-duanya mengatasi sebarang perselisihan atau cabaran.

5 Pastikan syarikat mematuhi undang-undang

HR perlu mempelajari undang-undang tempat kerja dan memastikan semua pekerja mengikutinya. Pekerja perlu dididik oleh HR mengenai undang-undang tempat kerja yang diperlukan termasuk:

- Piawaian buruh yang adil
- Jumlah rehat yang diperlukan
- Undang-undang cukai
- Peluang pekerjaan yang sama rata
- Waktu kerja yang diperlukan
- Piawaian gangguan
- Polisi diskriminasi

Jika pekerja merasakan ahli pasukan lain tidak mematuhi peraturan di atas,

laporkan kepada HR. HR kemudiannya akan menangani pekerja ini dan menyampaikan peraturan sekali lagi. Mereka mungkin memberikan tindakan tatatertib jika pekerja tidak mematuhi peraturan kerja.

6 Kekalkan persekitaran kerja yang selamat dan selesa

Agar tempat kerja kekal selesa untuk semua pekerja, HR mengambil kira sebarang masalah di pejabat dan menyampaikannya kepada pengurus pejabat. HR memastikan pekerja menerima peralatan yang diperlukan termasuk komputer dan pencetak yang mencukupi.

HR juga mengawasi pekerja untuk memastikan piawaian gangguan dan diskriminasi dipatuhi. Mereka sentiasa menggalakkan pekerja untuk melayan satu sama lain secara hormat. Mereka mungkin mengadakan seminar dan menyediakan bahan latihan untuk mengingatkan pekerja bagaimana untuk mengekalkan persekitaran kerja yang selamat.

7 Mendidik pekerja tentang polisi syarikat

Seorang HR mendidik pekerja lain tentang polisi dan peraturan syarikat. Untuk memberikan gambaran keseluruhan polisi ini, HR boleh mengadakan mesyuarat tahunan atau menyediakan latihan video untuk mendidik pekerja tentang polisi. Menjadi tanggungjawab HR untuk menyediakan tindakan tatatertib jika polisi tidak dipatuhi.

MATLAMAT JABATAN HR

Selain fungsi, HR akan menetapkan matlamat peribadi untuk memastikan pekerja terlibat dan komited untuk kekal bersama syarikat.

1 Galakkan penglibatan pekerja yang konsisten

Untuk tempat kerja beroperasi dengan lancar, pekerja harus terlibat dan bersemangat tentang syarikat mereka. Untuk memastikan pekerja berpuas hati dengan persekitaran tempat kerja mereka, HR akan mencari cara untuk menggalakkan penglibatan pekerja.

Untuk mencapai matlamat ini, HR akan menyelaraskan peluang sukarelawan, menganjurkan parti tajaan syarikat dan mendengar maklum balas daripada pekerja dengan teliti.

2 Sokong budaya syarikat

HR mengekalkan budaya kerja yang memuaskan secara konsisten. Mereka mahu pekerja berasa ingin datang bekerja setiap hari. Inilah sebabnya HR akan mewujudkan budaya syarikat yang kukuh untuk memastikan pekerja terlibat dan berinteraksi antara satu sama lain serta meningkatkan kerjasama. Ini membantu meningkatkan produktiviti pekerja, meningkatkan semangat dan boleh mengurangkan kadar pusing ganti pekerja.

3 Menawarkan peluang pembangunan profesional

Pekerja sering mencari cara untuk berkembang di jabatan mereka. Jika HR menyediakan peluang pembangunan profesional, pekerja mungkin berasa lebih digalakkan untuk tinggal di syarikat yang memotivasikan peningkatan kerjaya mereka.

HR mungkin menyediakan pekerja peluang untuk mereka berkembang dan belajar. Peluang ini selalunya termasuk persidangan atau seminar pendidikan, maklum balas tahunan, penceramah jemputan dan kursus pensijilan berbayar. Ini boleh membantu pekerja menerima lebih banyak pendidikan dan membangunkan kemahiran untuk meningkatkan lagi kerjaya mereka.

4 Tingkatkan kecekapan tempat kerja

Kecekapan di tempat kerja boleh membantu meningkatkan kejayaan keseluruhan syarikat. Inilah sebabnya mengapa HR sentiasa memantau pejabat dan menganalisis tahap produktiviti mereka untuk memastikan pekerja kekal cekap.

Dah faham tentang peranan HR? Lebih mudah untuk anda mencari calon yang sesuai untuk menerajui jabatan ini. Semoga artikel ini bermanfaat untuk semua usahawan yang masih di dalam dilema tentang kepentingan HR kepada syarikat anda.

Anjuran Bersama

RICHWORKS
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

media prima

**Ayuh Usahawan JOHOR,
KUASAI Pemasaran,
Luaskan Perniagaanmu!**

Bersama
D A T U K W I R A
**DR. AZIZAN
OSMAN**



10X **SME**
BINA
BISNES ²⁰²³
BERJAYA



**25-26 NOVEMBER 2023 | KSL RESORT
JOHOR BAHRU CITY CENTRE**

Daftar Sekarang, Seat Terhad!

#RoadTo1stMillion

binabisnesberjaya.com

EKSKLUSIF!

**GERAN BIMBINGAN
PERNIAGAAN
BERNILAI RM3 JUTA**

DALAM

**Klinik Usahawan
SIRI BINA BISNES
BERJAYA**

*Sesi Transformasi Perniagaan
untuk Usahawan SME*



**DATUK WIRA
DR. AZIZAN OSMAN**
Menthor Usahawan Jutawan



**Buku Untuk Usahawan
Bakal Jutawan!**

+

**Sesi Penilaian Perniagaan
Anda berharga RM497**

100% PERCUMA

DITAJA OLEH RICHWORKS

Mohon di: richworks.com/satujutapertama

inSPIREDTM
E- MAGAZINE UNTUK BANGSA USAHAWAN



RICHWORKS[®]
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

PENAFIAN : Nasihat yang diberikan dalam majalah ini merupakan nasihat secara am. Ia disediakan tanpa mengambil kira objektif, situasi kewangan atau keperluan anda. Sebelum melakukan tindakan, anda perlu menilai kesesuaian nasihat diberikan mengikut situasi & keperluan masing-masing.